

# UMS dekati penduduk kampung

UM 26.2.2014 26

KUNAK 25 Feb. - Program Siswa Rintis Desa siri kedua Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu mendekatkan mahasiswa dengan penduduk kampung, selain membantu memajukan bidang pendidikan dalam kalangan belianya.

Pengarah Kumpulan Yayasan Sabah, Datuk Sapawi Ahmad berkata, program seumpama itu amat baik dan mahasiswa universiti berkenaan perlu lebih proaktif untuk menganjurkan lebih banyak program bakti siswa di seluruh negeri terutama di kawasan pedalaman.

“Program seperti ini dapat merintis pembangunan pendidikan di peringkat kampung kerana penyertaan mahasiswa UMS dapat mendorong minat penduduk kampung untuk maju dalam pendidikan melalui perkongsian ilmu,” katanya ketika merasmikan sudut mini bacaan desa Kampung Lormalong dan penutupan program itu di Kampung Lormalong, di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Pengurus Kumpulan Kanan Sumber Manusia dan Perkhidmatan Koparat YS, Rosmawati Lasuki; Ketua Pentadbir Zon Kumpulan YS, Dollah Junaidi; Ketua Program Program Desa Cemerlang dan Berinovasi (PDCB) Kumpulan Yayasan Sabah, Dr. Ishak Johari; Pengerusi PDCB Kampung Lormalong, Kunak, Halim Aman dan Pengawai Penyelaras Program Bakti Siswa UMS, Nazir Petir serta 65 mahasiswa UMS.

Mengenai PCDB, Sapawi berkata, program di Kampung Lormalong itu melibatkan masyarakat kampung itu dan lima kampung berhampiran.